

Kerajaan MADANI janji lebih berani tangani isu sensitif dan kontroversi

Anwar tegaskan tidak lagi tunduk, diam dengan naratif songsang kaitkan isu kaum dan agama

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan MADANI akan melangkah lebih berani dan tegas bermula tahun depan, terutama dalam menangani isu disifatkan sensitif dan kontroversi, termasuk dalam aspek penguatkuasaan, bahasa dan kaum, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ia penting bagi memastikan keberkesanan dalam mendepani isu yang tertangguh secara lebih tegas demi kepentingan rakyat dan negara.

"Sudah sampai ketikanya untuk mulai tahun depan ini, kita langkah dengan lebih berani lagi, isu-isu tertangguh yang dianggap lebih sensitif atau kontroversi, kita kena berdepan dengan lebih tegas dan berani.

"Ini termasuk soal keberkesanan badan-badan penguat kuasa dan ketegasan dalam mengambil tindakan tetapi juga ketegasan dalam memastikan proses peraturan dipatuhi," katanya pada sesi Taklimat Perdana Menteri Bersama Ketua-Ketua Pengarang Media di Kompleks Seri Perdana di sini, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Pengarang Urusan Kumpulan (DGME) Media Prima, Farrah Naz Abd Karim dan Pengarang Kumpulan Berita Harian (BH), Zulkifli Jalil.



Anwar pada Majlis Makan Malam Perdana Menteri bersama Ketua-Ketua Pengarang Media Tempatan dan Antarabangsa di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

Perdana Menteri menegaskan kerajaan tidak boleh lagi tunduk dan diam dengan naratif songsang mengaitkan isu kaum dan agama sehingga menggugat keharmonian negara.

"Lihat isu kaum, bahasa dan ekonomi, kita perlu berdepan tindakan lebih tegas dan kita tidak boleh hanya bermain dengan sentimen perkauman atau agama sehingga akhirnya menghalang kemajuan negara," katanya.

Menyentuh isu berkaitan bahasa, Anwar berkata, kerajaan komited memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan tidak sesekali menafikan kepentingan bahasa Inggeris serta bahasa lain.

"Tahun (depan) 2026, bukan lagi 1950-an dan kita hidup dalam dunia global, penguasaan pelbagai bahasa adalah satu keperluan, bahasa Inggeris penting, begitu juga bahasa Cina, Tamil atau Arab.

"Namun, komitmen untuk memperkukuh bahasa Melayu mesti kekal sebagai asas kepada identiti dan perpaduan negara," katanya.

Pendirian isu UEC konsisten

Mengulas mengenai isu Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC), Anwar menegaskan perkara itu sering dipolitikkan sedangkan pendirian beliau mengenainya konsisten sejak dahulu.

"Bagi saya, UEC bukan isu utama, ia bukan soal menolak atau menerima semata-mata, tetapi melihatnya dalam konteks lebih luas, iaitu sejarah negara, sistem pendidikan nasional dan keperluan memperkukuh bahasa kebangsaan," katanya.

Anwar juga berkata, ketegasan dalam siasatan, pendakwaan dan proses semakan penting bagi memulihkan keyakinan rakyat terhadap institusi negara termasuk Suruhanjaya Pencegahan Ra-

suah Malaysia (SPRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan agensi lain.

"Sebab itu saya bangga dengan tindakan yang diambil baru-baru ini, jarang berlaku sebelum ini, apabila Peguam Negara ambil tindakan dalam kes (tembakan) di Melaka, tanpa sebarang usaha melindungi salah laku jenayah besar," katanya.

"Bukan sahaja pelaksanaan perlu tegas dan berkesan, malah proses itu juga mesti dihormati," katanya.

Mengenai pelantikan anggota Kabinet, Anwar berkata pelantikan menteri dan timbalan menteri dalam portfolio Wilayah Persekutuan tidak seharusnya dijadikan isu perkauman kerana pemilihan tidak mengikut warna kulit.

Beliau berkata semua anggota Jemaah Menteri yang dipilih berperanan memastikan perkhidmatan awam berfungsi de-

ngan berkesan untuk semua kaum.

Katanya, tadbir urus di Wilayah Persekutuan memerlukan kerja berpasukan, sambil menegaskan bahawa walaupun datuk bandar dan pegawai kanan mungkin terdiri daripada orang Melayu, tanggungjawab tetap untuk berkhidmat dan melindungi kepentingan semua komuniti.

"Ini tidak semestinya bermakna pelantikan menteri berbangsa Cina akan menyebabkan orang Melayu ditindas. Begitu juga, jika menteri Melayu diberi amanah mengendalikan portfolio Wilayah Persekutuan, ia tidak bermakna menteri itu hanya menjaga kepentingan orang Melayu.

"Datuk Bandar adalah orang Melayu dan tadbir urus memerlukan kerja berpasukan, dengan tanggungjawab untuk membantu dan berkhidmat kepada semua komuniti," katanya.